

**Eusoff Chin fail semakan kehakiman**  
**Malaysiakini.com**  
**Jun 25, 2008**

Bekas Ketua Hakim Negara Tun Mohd Eusoff Chin hari ini memohon mendapatkan kebenaran untuk semakan kehakiman bagi membatalkan keseluruhan atau sebahagian daripada laporan siasatan Suruhanjaya Diraja terhadap klip video Lingam atas alasan siasatan dijalankan tidak adil, prejudis dan berat sebelah.

Beliau juga memohon perintah atau lain-lain relif yang dianggap sesuai oleh mahkamah dan kos.

eusoff chin yusoof chinMohd Eusoff yang merupakan saksi ke-11 dalam inkuiri yang berlangsung selama 17 hari mulai 14 Januari lalu, menfailkan permohonan itu di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi (Bahagian Rayuan dan Kuasa-kuasa Khas) di Jalan Duta, di Kuala Lumpur, melalui Tetuan Omar, Ismail Hazman & Co.

Dalam permohonannya, Mohd Eusoff, 73, yang dilantik sebagai Ketua Hakim Negara sejak September 1994 hingga Disember 2000, turut menyertakan affidavit sokongan yang diikrarkannya bagi menyokong permohonannya, demikian menurut laporan Bernama.

Beliau menamakan pengerusi dan empat anggota Suruhanjaya iaitu Tan Sri Haidar Mohamed Noor, Tan Sri Amar Steve Shim Lip Kiong, Datuk Mahadev Shankar, Puan Sri Zaitun Zawiyah Puteh dan Prof Emeritus Datuk Dr Khoo Kay Kim sebagai responden.

Sebelum ini peguam Datuk V. K. Lingam dan hartawan Tan Sri Vincent Tan memfailkan permohonan serupa pada Isnin lepas, diikuti oleh Setiausaha Agung Umno Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor yang menfailkan permohonan sama, semalam.

Suruhanjaya itu ditubuhkan selepas penyiaran klip video itu yang memaparkan Lingam berbual di telefon, kononnya dengan bekas Ketua Hakim Negara Tun Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim, didakwa mengaturkan urusan pelantikan hakim.

Pada 16 Mei, Kabinet mengarahkan Peguam Negara supaya segera mengarahkan agensi-agensi menyiasat dakwaan yang dilemparkan terhadap bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, Mohd Eusoff, Ahmad Fairuz, Tengku Adnan, Tan dan Lingam.

Suruhanjaya itu, dalam laporannya berkata terdapat alasan yang kukuh untuk menggunakan Akta Hasutan 1948, Akta Pencegahan Rasuah 1961, Akta Profesion Undang-undang 1976 dan Akta Rahsia Rasmi 1972 terhadap beberapa individu utama yang terlibat.

Mohd Eusoff dalam affidaviknya mendakwa laporan siasatan inkuiri yang disiapkan 9 Mei lalu adalah tidak berasas, berat sebelah, mala fide, membuat andaian-andaian yang tidak mengikut undang-undang dan memprejudiskan beliau dengan menerima pakai keterangan saksi-saksi yang tidak relevan kepada bidang tugas yang ditetapkan bagi menjalankan siasatan.

Beliau mendakwa dalam mencapai keputusan dan membuat syor laporan siasatan inkuiri itu, responden telah secara silap dan sengaja mengambil dan menerima pakai keterangan fakta yang tidak relevan serta tanpa bukti kukuh dan memprejudiskan beliau.

Mohd Eusoff berkata kesemua responden telah terkhilaf daripada segi fakta dan undang-undang dan prejudis terhadapnya dalam membuat penemuan terhadap inkuiri kerana ianya dibuat berdasarkan andaian-andaian yang tidak disokong oleh keterangan dan bukti kukuh.

"Lebih mendukacitakan laporan ini mengambil kira keterangan saksi-saksi yang mempunyai kredibiliti yang dipersoalkan, bohong serta mempunyai motif dan niat jahat terhadap saya dan saksi Datuk V.K.Lingam," katanya.

Mohd Eusoff juga mendakwa isu hubungan rapat antara beliau dengan Lingam adalah tidak relevan dan tiada kaitan dengan sebarang usaha mengatur atau melobi mana-mana individu untuk dilantik menjadi hakim mahkamah tinggi atau kenaikan pangkat mana-mana hakim ketika itu kerana sewaktu klip video itu dirakam sekitar Disember 2001, beliau sudah 12 bulan bersara.

Beliau mendakwa lagi walaupun telah ada keterangan yang dapat membantu siasatan dalam mencapai kebenaran tetapi kesemua responden lebih berminat untuk membuat andaian sendiri, bercanggah dengan bukti dan keterangan sedia ada seolah-olah ada agenda yang tersendiri bagi mencalarakan integriti beliau dan Peguam Negara di mata umum.

Mohd Eusoff mendakwa responden telah membuat andaian bertentangan dengan prinsip undang-undang dalam laporan siasatan inkuiri itu apabila mendakwa pembelaan beliau semasa inkuiri terhadap kandungan klip video adalah penafian semata.

Mohd Eusoff juga berkata laporan siasatan itu mengenai percutiannya adalah tidak relevan dengan bidang tugas dan sewajarnya dibatalkan dan dibuang dari laporan itu kerana ia tidak pernah disebut dalam klip video yang dikemukakan di hadapan inkuiri itu.

"Saya menyatakan bahawa gambar-gambar isteri dan anak-anak saya semasa percutian itu tiada kaitan langsung dengan bidang tugas Suruhanjaya, akan tetapi gambar itu telah dibenarkan untuk dikemukakan sebagai eksibit dan telah mendapat liputan meluas oleh semua akhbar, televisyen dan internet.

"Ahli-ahli keluarga saya tiada kena mengena dengan siasatan ini telah turut diheret sama melalui gambar yang dikemukakan oleh peguam Majlis Peguam, Ranjit Singh," katanya.

Beliau mendakwa keputusan mengenai gambar tersebut yang dibuat oleh inkuiri itu jelas mengheret mereka yang tidak bersalah mendapat publisiti dan liputan media yang tidak sepatutnya berlaku dan mendatangkan tekanan yang amat sangat terhadap mereka.

Mohd Eusoff berkata beliau terkilang dengan laporan siasatan inkuiri itu walaupun dibarisi oleh tiga bekas hakim yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang perundangan, tetapi mereka gagal menilai dan menimbang keterangan yang dikemukakan mengikut prinsip undang-undang.

"Saya juga mengatakan bahawa selepas membaca laporan siasatan inkuiri itu saya mengatakan bahawa laporan oleh responden telah menimbulkan satu persoalan tentang pendekatan yang digunakan dalam mencapai keputusan dan membuat syor.

"Saya mengatakan bahawa keseluruhan laporan itu mencerminkan andaian responden berdasarkan keterangan saksi-saksi yang lemah dan mempunyai karektor yang

dipersoalkan," katanya.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malysiakini.com/news/85052>